

**TEKS UCAPAN**  
**TUAN SETIAUSAHA PERBANDARAN**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**  
**MAJLIS PELANCARAN SISA SIFAR FYS MARKETING**  
**SDN BHD DAN TAMAN MUTIARA JAYA**  
**19 FEBRUARI 2017 (AHAD), 9.30 PAGI**

---

**Yang Berusaha Encik Zeems Foo Kheng Sin**

Pengerusi FYS Marketing Sdn Bhd

**Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Ketua - ketua Jabatan dan Pegawai**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan - rakan Media

Tuan - tuan dan puan - puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh, selamat pagi dan salam sejahtera,

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada FYS Marketing Sdn. Bhd dan juga kepada wakil penduduk Taman Mutiara Jaya serta kakitangan MPSP kerana telah berusaha dan berjaya menganjurkan Majlis Pelancaran Sisa Sifar FYS Marketing Sdn Bhd dan Taman Mutiara Jaya pada pagi ini.

Para hadirin sekalian,

Saya memuji langkah yang diambil oleh FYS Marketing Sdn. Bhd dan penduduk Taman Mutiara Jaya untuk menjadikan sisa sifar sebagai satu amalan. Penerapan Amalan Sisa Sifar ini merupakan satu langkah bijak dalam

menjayakan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca Negeri Pulau Pinang.

Untuk makluman semua, dasar Pengasingan Sisa Di Punca yang telah diamalkan bermula 1 Jun 2016 akan dikuatkuasakan penguasaanya pada 1 Jun 2017.

Buat masa sekarang, MPSP telah mengeluarkan Notis Pemberitahuan kepada premis-premis yang didapati tidak mengasingkan sisa di punca. Sebanyak 9446 Notis Pemberitahuan telah dikeluarkan dari Ogos hingga Disember 2016 dan pada Januari 2017 pula sebanyak 2071 Notis Pemberitahuan telah dikeluarkan.

Jika dilihat, jumlah beratan sisa kitar semula yang dipungut di kawasan perumahan bagi tempoh 6 bulan pertama Dasar Pengasingan Sisa Di Punca dilaksanakan iaitu dari Jun hingga Disember 2016 adalah sebanyak 252.86 tan.

Dasar Pengasingan Sisa di Punca adalah bertujuan untuk mengurangkan pembuangan sisa ke tapak pelupusan Pulau Burung. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, secara purata, sampah yang masuk ke Pulau Burung adalah 1700 hingga 1800 tan sehari. Di Seberang Perai, pada tahun 2016, jumlah beratan sampah yang masuk ke Pulau Burung adalah sebanyak 434,008.51 tan. Ini menjadikan purata sampah dari Seberang Perai yang masuk ke Pulau Burung adalah sebanyak 1189.01 tan sehari. Jika dilihat dari segi kos yang dibelanjakan oleh

MPSP untuk membayar ‘tipping fees’ bagi tahun 2016, ia telah menelan belanja sebanyak RM 8,766,971.90. Jika dilihat pada tahun 2015, beratan sampah yang dihantar ke Pulau Burung adalah 440,460.40. Terdapat penurunan sebanyak 6451.89 tan sampah yang masuk ke tapak pelupusan.

Satu kajian telah dijalankan oleh Penang Institute bagi tempoh 2008 hingga 2015. Menurut kajian ini, beratan sampah perkapita bagi kawasan Seberang Perai bagi tahun 2008 ialah 1.6kg dan telah menurun kepada 1.3kg bagi tahun 2015 .

Hadirin dihormati,

Sebelum Dasar Pengasingan Di Punca ini di laksanakan, langkah-langkah pengurangan sampah ke Pulau Burung turut dibuat oleh MPSP yang melibatkan pelbagai pihak seperti kilang, ngo, agensi pendidikan, agensi swasta, kawasan perumahan, dan juga kampung.

Sebanyak 33 buah kilang yang memberi komitmen dalam menjalankan aktiviti kitar semula dan mengemukakan data mereka. Jumlah beratan kitar semula dari pihak kilang sahaja bagi tahun 2016 adalah sebanyak 312,656.33 tan. Manakala beratan kitar semula bagi tahun 2016 yang di perolehi dari 8 buah NGO sekitar Seberang Perai adalah 54.67 tan.

Pihak-pihak ini bekerjasama dalam menjalankan aktiviti kitar semula dan pelbagai aktiviti lain bersama MPSP.

Hasil dari kesedaran kepentingan menjadikan kitar semula sebagai satu gaya hidup. Kadar kitar semula bagi Seberang Perai telah meningkat dari 39.64% bagi tahun 2015 kepada 42.60% pada tahun 2016.

Kaedah pengasingan sisa yang di anjurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah kaedah yang mudah untuk diamalkan. Sisa hanya perlu diasing kepada dua, iaitu sisa kitar semula dan sisa baki. Sisa baki ini termasuklah sisa makanan.

Langkah FYS Marketing dan Taman Mutiara Jaya akan mengurangkan sisa makanan yang dihantar ke Pulau Burung sebaliknya ia akan dijadikan sebagai baja kompos.

Di Seberang Perai, terdapat beberapa lokaliti yang turut bekerjasama untuk menjayakan program sisa sifar. Lokaliti yang terdiri dari kediaman bertingkat, taman perumahan, kampung dan juga kilang.

Antara kediaman bertingkat yang memberi komitmen untuk menjalankan program sisa sifar adalah seperti kondominium Ocean View, Seaview, Palm Villas, Park View Taman Pandan dan The Signature. Manakala bagi taman perumahan pula adalah seperti Oren Villa dan bagi kawasan kampung adalah seperti Kg. Permatang Nibong, Kg. Jawi, Kg.Changkat, dan Kg. Sanglang. Terdapat juga kilang yang menghantar sisa kantin mereka ke Pusat Kompos Bagan Ajam untuk dijadikan baja kompos.

Sepanjang tahun 2016, jumlah beratan sisa makanan yang dijadikan kompos daripada rumah kediaman adalah seberat 67,344 kilogram. Manakala, sisa makanan dari kilang yang dihantar ke Pusat Kompos Bagan Ajam adalah sebanyak 186,390 kilogram.

Hadirin yang dihormati,

4R adalah konsep yang diamalkan oleh MPSP dalam memastikan kelestarian alam sekitar. 4R, akronim dari *Rethink, Reduce, Reuse dan Recycle*.

*Rethink* sebenarnya memainkan peranan yang besar dalam menuju sisa sifar. *Rethink* mengajar kita membuat pembelian secara berhemah atau mengambil sekadar keperluan. Ini akan dapat mengelakkan pembaziran dari

sisa tersebut berakhir di tapak pelupusan. Konsep ini juga boleh mengurangkan masalah timbunan sisa di musim perayaan. Mengambil contoh, sepanjang Perayaan Tahun Baru Cina tempoh hari (24 hingga 31 Januari 2017), MPSP telah mengutip 6517.05 tan sampah domestik dan 3914.07 tan sampah industri. Manakala bagi Perayaan Tahun Baru Cina 2016 (4 hingga 11 Februari 2016) sebanyak 5663.04 tan sampah domestik dan 2982.39 tan sampah industri di pungut.

*Reduce*, bertujuan mengurangkan sisa, salah satu contohnya adalah mengurangkan penggunaan barang pakai buang seperti peralatan makan dan minum (disposable utensils).

*Reuse*, satu langkah mudah dalam mengurangkan sisa. Contoh harian yang dapat kita lihat adalah mengamalkan membawa *reusable bag* ketika membeli-belah. Bag plastik bukan sahaja akan berakhir di tapak pelupusan, sebaliknya ia juga mungkin akan berkahir di dalam parit atau longkang yang bilamana tersumbat boleh menyebabkan banjir kilat.

*R* yang terakhir iaitu *Recycle*, saya yakin pihak tuan telah memahami bagaimana cara dan kaedah dalam menjalankan kitar semula. Seperti yang saya maklum, di FYS ini telah diadakan taklimat kitar semula oleh MPSP pada 12 Februari 2017.

Hadirin dihormati,

Konsep 4R yang saya sebutkan tadi, jika diamalkan sepenuhnya saya yakin matlamat menuju sisa sifar dapat dicapai dengan jayanya.

Dengan itu, pada pagi yang berbahagia ini, saya berbesar hati melancarkan Projek Sisa Sifar FYS Marketing Sdn. Bhd. dan Taman Mutiara Jaya.

Sekian, terima kasih.